

PERMASALAHAN KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENULIS BAHASA MELAYU MURID-MURID SEKOLAH RENDAH DI LUAR BANDAR

(*The Problems Pertaining To Reading And Writing Skills In Malay
Language Among Rural Primary School Children*)

ABDUL RASID JAMIAN

ABSTRAK: Kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran asas Bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah rendah. Hal ini amat penting untuk mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan tentang kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Responden kajian terdiri daripada 161 murid sekolah rendah tahun 4 dan 5 di luar bandar di Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi maklumat latar belakang serta masalah yang murid-murid alami dalam kemahiran membaca dan menulis. Sehubungan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam diri murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu, antaranya pengetahuan asas membaca dan menulis, persekitaran dan kaedah pengajaran guru. Dapatan kajian dalam masalah kemahiran membaca menunjukkan bahawa kegagalan murid-murid memahami kandungan maklumat dalam teks yang dibaca ($\text{min} = 3.40$; $\text{sp} = .71$) dan tidak memahami maksud ayat yang dibaca ($\text{min} = 3.24$; $\text{sp} = .60$). Manakala dapatan kajian tentang masalah kemahiran menulis menunjukkan bahawa murid-murid tidak dapat membezakan huruf besar atau huruf kecil melalui pengecaman ($\text{min} = 3.62$; $\text{sp} = .62$), di samping itu, mengenali tanda baca ($\text{min} = 3.42$; $\text{sp} = .80$). Kesimpulannya, bagi mengatasi masalah ini, pendidikan pemulihan merupakan satu wadah yang dapat membantu meningkatkan potensi murid-murid yang mengalami masalah dalam kemahiran membaca dan menulis. Program pemulihan peringkat awal akan memberi kesan yang lebih efektif dalam usaha memperkasakan pendidikan di negara kita.

Kata kunci: Pembelajaran Bahasa Melayu; kemahiran membaca; kemahiran menulis; murid-murid sekolah; sekolah rendah luar bandar

ABSTRACT: *Reading and writing skills are basic skills in Malay Language for primary school children. Mastery of these skills is important in order to achieve greater achievements in the coming years. Thus, this research aims to identify problems pertaining to reading and writing skills in Malay language among rural primary school children. The respondents for this research consist of 161 primary year 4 and 5 students in rural schools in Negeri Sembilan, Pahang and Sarawak. The research is a descriptive survey conducted by using questionnaires which include information on students' background and problems faced in reading and writing skills. The research findings show that there are problems within the students in mastering reading and writing skills in Malay Language, among them; basic knowledge in reading and writing, the environment*

and the teachers' teaching method. The research findings in problems related to reading skills show that students fail to understand the content of the text (min=3.40; sp=.71) and meaning of sentence (min = 3.24;sp=.60). The research findings in problems related to writing skills show that students could not differentiate upper and lower case letters through letter identification (min=3.62; sp=.62). They could not identify punctuations either (min=3.42; sp= .80). The conclusion is, to overcome this problem, remedial education is one way to help enhance the potential of students who have problems in reading and writing skills. Remedial programs at an early stage will give a more effective effect in the effort to strengthen the education system of our country.

Key words: Malay Language learning; reading skills; writing skills; school children; rural primary schools

PENGENALAN

Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu

Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca (Yahya 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif, dan pengalaman membaca.

Sementara itu, kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan. Sehubungan itu, keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu dan mata pelajaran tertentu.

Berdasarkan Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM 2003), bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan. Oleh yang demikian, guru seharusnya memahami keperluan konsep pemulihian di dalam bilik darjah bagi mengatasi permasalahan menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar. Pelbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama Jabatan Pelajaran Negeri dengan Pejabat Pelajaran Daerah bagi merangka program kecemerlangan murid contohnya Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS), dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Melalui program-

program yang dirancang diharapkan dapat membantu serta memenuhi keperluan murid-murid ini. Program pemulihan merupakan satu pendekatan bagi mengatasi murid-murid yang mengalami kelemahan kemahiran yang tertentu. Perhatian guru yang serius dalam memenuhi tuntutan murid ini dapat membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid tersebut untuk bersaing dengan rakan mereka yang cerdas.

Dalam usaha mempertingkat kemahiran bahasa murid-murid ini, guru mempunyai peranan yang besar. Menurut Roselan (2003), kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru sebagai pelaksana kurikulum perlu mengambil berat tentang objektif kurikulum yang digubal bagi membolehkan hasrat kerajaan tercapai. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan projek untuk meninjau keperluan pengajaran pemulihan, iaitu melalui Program KIA2M (Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis) mengesahkan bahawa keperluan pengajaran pemulihan amat diperlukan. Justeru, Bahagian Sekolah-Sekolah KPM telah merangka program pengajaran pemulihan di sekolah rendah bagi memenuhi keperluan murid-murid lembam ini (Abdul Rasid dan Zulkafli 2008). Namun sekarang program ini diberi perubahan tetapi matlamat yang sama, iaitu Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang telah dicadangkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 15 Januari 2010. Program ini memberi penekanan kepada literasi Bahasa Melayu, iaitu lisan, bacaan dan tulisan serta ditambah dengan kemahiran asas kiraan serta memahami idea matematik yang mudah.

Masalah Pembelajaran Kemahiran Membaca dan Menulis

Murid-murid sekolah rendah merupakan aset negara pada masa hadapan bagi meneruskan kesinambungan bangsa dalam memajukan negara menjelang Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, wujudnya jurang pemisah dalam membangunkan generasi muda dalam keseimbangan potensi individu. Penekanan dalam konsep kepelbagaiannya kecerdasan serta perbezaan individu murid menjadikan pendidikan pemulihan sebagai pilihan dalam membantu mereka agar berjaya mencapai matlamat kehidupan dan kejayaan sistem pendidikan di negara ini. Sehubungan itu, pemulihan merupakan satu pendekatan yang berbeza daripada kelas biasa dalam sistem persekolahan kebangsaan. Pendidikan pemulihan berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan dalam membentuk kemahiran pembelajaran murid. Permasalahan murid-murid lembam amat merisaukan bukan sahaja ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan. Masalah pencapaian yang rendah atau masalah pembelajaran murid kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor psikologi, biologi dan persekitaran (Roselan 2003).

Tahap kecerdasan dan psikologi yang rencam dalam kalangan murid adalah akibat pelbagai faktor genetik, kecacatan fizikal murid, persekitaran dan sebagainya yang berkecenderungan menimbulkan permasalahan untuk mempelajari dan mengingati sesuatu yang diajar oleh guru. Selain itu, tahap kesihatan serta gangguan emosi sering menjadi punca masalah pembelajaran. Murid yang mewarisi tahap

Kecerdasan yang rendah sering memperlihatkan gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan berbagai-bagai perasaan lagi yang pastinya menjelaskan tumpuan dan perhatian terhadap pembelajaran (Zulkifley 2006). Selain gangguan emosi terdapat juga masalah biologi seperti masalah kesihatan fizikal dan fungsi neurologi murid. Akibatnya kesihatan murid terjejas seperti penyakit keturunan, asma, sinutitis, sawan, kecacatan alat artikulasi dan sebagainya sering menjelaskan minat dan tumpuan murid terhadap pelajaran. Oleh itu, kepintaran atau kebijaksanaan berpunca daripada kecekapan sel-sel neuron dalam otak manusia bukan sahaja mewujudkan pengetahuan tetapi memberi pengalaman yang bermakna.

Permasalahan persekitaran merupakan suatu fenomena luaran yang berlaku akibat amalan sistem persekolahan dan pembentukan bahasa murid. Sistem persekolahan yang sering mengamalkan kurikulum yang kompleks dan tidak prihatin terhadap keperluan murid yang berbeza-beza keupayaan, guru lebih terikat dengan waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran daripada menumpukan pembelajaran merupakan ketidakcekapan pengurusan pengajaran sekolah. Aspek kemampuan murid yang berbeza diabaikan, maka jurang perbezaan murid semakin ketara antara mereka. Tambahan lagi, sebilangan murid yang tercicir daripada arus perdana pembelajaran di sekolah adalah akibat faktor pembentukan dan penggunaan amalan berbahasa yang tidak baku. Kekurangan pengalaman dan pergaulan yang tidak sihat menjadikan murid lebih terdedah kepada pertuturan dan amalan penggunaan bahasa daerah, bahasa pasar juga sebagai penyumbang kepada permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu.

Pengaruh faktor-faktor yang tertentu mewujudkan masalah dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis murid. Kelemahan menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin diri merosot. Murid-murid ini beranggapan bahawa perlakuan yang melanggar norma amalan di sekolah bertujuan menarik perhatian guru dan rakan-rakan. Sifat rendah diri akibat kegagalan yang berterusan membawa kepada konsep kendiri yang rendah. Tingkah laku agresif, negatif, kebudak-budakan serta bermuram adalah petunjuk-petunjuk masalah emosi yang serius. Ini akan menjelaskan keupayaan mereka untuk menguasai kemahiran bahasa yang lebih berkesan.

Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Permasalahan membaca yang ada dalam diri murid adalah seperti keliru menggacam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak ketahui makna atau gagal membunyikannya. Ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid-murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut. Selain itu, murid ini juga lemah dan tidak berminat mencari maklumat yang terdapat dalam gambar rajah atau bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Menurut Yahya (2004), membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Justeru, guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih

ber variasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Apabila seseorang murid tidak menguasai kemahiran membaca menyebabkan mereka tidak menguasai kemahiran asas, iaitu kemahiran lisan. Antara kelemahan murid dalam kemahiran lisan adalah seperti salah membunyikan huruf yang seakan-akan sama bentuknya, membunyikan huruf tertentu, keliru membunyikan nama huruf yang seakan-akan sama. Hal ini pasti menjadikan murid salah faham menyebut susunan rangkai kata, ayat, intonasi dengan gaya yang betul. Ketidakupayaan murid menguasai kedua-dua kemahiran ini pasti memberikan masalah kepada mereka untuk melahirkan ekspresi melalui tulisan. Antaranya, masalah ketidakcekapan koordinasi mata dan tangan semasa menulis. Ketidakupayaan ini dikesan semasa murid memegang pensel dengan cara yang tidak betul. Akibatnya murid tidak dapat menulis garis perkataan dengan tepat serta mencampur aduk huruf besar dengan huruf kecil dalam satu ayat. Manakala kelemahan dalam menghasilkan makna dalam penulisan karangan pula, iaitu murid lemah menyusun ayat dan buah fikiran mengikut wajaran fikiran mereka serta meninggalkan perkataan tertentu semasa menulis. Ketidakcekapan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid tidak berminat untuk belajar dan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya. Selain itu, faktor luar kawalan juga penyebab kepada masalah penguasaan kemahiran ini antaranya masalah kecacatan, penyakit dan genetik. Hal ini ditambah dengan faktor persekitaran seperti kemiskinan dan kurang perhatian daripada ibu bapa juga merupakan penyumbang kepada permasalahan menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Walau bagaimanapun, masalah ini bukanlah penghalang kepada guru dan sekolah serta dijadikan alasan untuk tidak membantu murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Pelbagai usaha serta bantuan daripada kerajaan dan KPM seharusnya menjadi pemangkin serta dorongan bagi guru dan sekolah agar terus berusaha membantu murid bermasalah dalam pembelajaran. Hal ini dapat diperoleh melalui matlamat Misi Nasional dalam tempoh 2006-2010, iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tertumpu kepada projek membangunkan prasarana sekolah di luar bandar, meningkatkan kadar kehadiran murid di sekolah dan mengurangkan kadar kecinciran, meningkatkan bilangan guru terlatih di sekolah luar bandar serta mempertingkat sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin dan murid berkeperluan khas.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, objektif umum adalah untuk mengenal pasti masalah dalam kemahiran membaca dan menulis murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti masalah kemahiran membaca Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar.
2. Mengenal pasti masalah menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar.
3. Sejauh mana persepsi murid terhadap pengajaran guru dalam pengajaran membaca dan menulis.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Apakah masalah kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah rendah di luar bandar?
2. Apakah masalah kemahiran menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah rendah di luar bandar?
3. Sejauh manakah persepsi murid terhadap pengajaran guru dalam kemahiran membaca dan menulis?

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini berupa tinjauan deskriptif. Menurut Mohd Majid Konting (2005), kajian deskriptif merupakan kajian yang bertujuan menerangkan suatu keadaan yang berlaku. Ini bertepatan dengan kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti masalah kemahiran membaca dan menulis mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar.

Data kajian dikumpulkan, diproses serta dianalisis dengan menggunakan Statistik Berbantuan Komputer "*Statistical Package for the Social Sciences 7.5*"(aturcara SPSS 7.5' / Windows). Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai. Responden kajian terdiri daripada 161 murid sekolah rendah di luar bandar yang terdiri daripada Negeri Sembilan, Pahang, dan Sarawak. Taburan keseluruhan bilangan murid mengikut negeri ialah negeri Pahang seramai 49 orang (30.4%), Negeri Sembilan 50 orang (31.0%), dan Sarawak 62 orang murid (39.0%). Pemilihan responden ini adalah berdasarkan kemudahan yang diperoleh oleh pengkaji dengan bantuan pelajar sarjana yang mengajar di sekolah rendah di luar bandar. Ini bertepatan dengan saranan Mohd Majid Konting (2005), iaitu kebaikan pemilihan sampel adalah yang boleh mengurangkan kos, tenaga dan masa kajian tetapi tidak mendapat tentangan daripada pihak tertentu.

Pengumpulan data adalah berdasarkan edaran soal selidik yang merangkumi bahagian latar belakang murid-murid, masalah kemahiran membaca, masalah kemahiran menulis dan juga persepsi murid terhadap pengajaran guru mereka. Perolehan data adalah dengan bantuan para guru bagi membolehkan murid-murid menjawabnya.

DAPATAN KAJIAN

Permasalahan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah di Luar bandar

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat permasalahan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar. Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa keseluruhan min masalah membaca dalam kalangan murid, iaitu $\text{min}=3.56$, $\text{sp}=0.86$.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kegagalan responden memahami isi kandungan teks yang dibaca yang paling tinggi iaitu dengan min=3.40, sp=0.71. Ini merupakan antara permasalahan yang menyebabkan murid gagal memahami kandungan maklumat yang dibaca. Selain itu, didapati murid tidak dapat memahami maksud ayat yang dibaca dengan baik iaitu min=3.24, sp=0.60. Kegagalan memahami kemahiran asas ini menjadikan murid tidak berkeupayaan menguasai kemahiran menyenaraikan idea-idea utama atau mengelaskan isi kandungan teks dengan baik. Manakala ketidakupayaan murid menguasai kemahiran asas dalam bacaan menjadikan murid tidak berkemahiran membaca secara mekanis, iaitu bacaan pantas dengan min=2.90, sp=0.91 dan murid cepat berasa penat semasa membaca dalam masa yang agak lama dengan min=2.90, sp=0.91 (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Permasalahan kemahiran membaca

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan piawai
1	Tidak memahami isi kandungan teks	3.40	0.71
2	Tidak memahami maksud ayat yang dibaca	3.24	0.60
3	Tidak boleh membaca pantas	2.90	0.91
4	Cepat jemu dan penat	2.90	0.91

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa permasalahan yang wujud dalam kemahiran membaca dapat diperbaiki dengan merancang aktiviti pengajaran yang menarik dan kondusif oleh guru. Selain itu, suasana pembelajaran yang selesa dan dorongan daripada guru dapat mewujudkan motivasi dan menanamkan minat murid agar terus belajar. Hasil kajian ini mendapati bahawa latihan bacaan tambahan dapat meningkatkan kemahiran bacaan murid dengan min=3.70, sp=0.53 dan kaedah latih tubi yang dijalankan dengan kerap dalam bacaan dapat membantu sebutan serta kelancaran murid dalam bacaan min=3.70, sp=0.66. Murid-murid ini percaya bahawa penguasaan kemahiran membaca yang baik dapat menjadikan aktiviti membaca di dalam kelas sebagai suatu aktiviti yang amat menarik min=3.60, sp=0.54. Selain itu, faktor dorongan daripada guru, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan kebolehan dan penguasaan membaca murid dapat menjadikan suasana aktiviti membaca menjadi berkesan dan bermakna kepada murid min=3.54, sp=0.72 (rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Persepsi murid terhadap pengajaran guru kemahiran membaca

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan piawai
1	Latihan bacaan tambahan	3.70	0.53
2	Kaedah latih tubi	3.70	0.66
3	Aktiviti pengajaran yang menarik	3.60	0.54
4	Dorongan guru dan situasi yang menarik	3.54	0.72
5	Penggunaan bahan bantu mengajar	3.54	0.72

Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar

Dapatan kajian berkaitan kemahiran menulis Bahasa Melayu mendapati wujudnya permasalahan dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar. Ini dapat dinyatakan di dalam Jadual 3. Hasil kajian mendapati bahawa masalah utama murid dalam kemahiran menulis ialah tidak dapat membezakan huruf besar dengan huruf kecil dalam penulisan, iaitu $\text{min}=3.62$, $\text{sp}=0.62$. Responden bersetuju bahawa permasalahan membezakan huruf kecil dan huruf besar, berpunca daripada masalah mengecam abjad dengan keputusan masalah kedua tertinggi dengan $\text{min}=3.57$, $\text{sp}=0.90$. Ini disokong dengan tidak memahami maklumat yang ditulis, iaitu $\text{min}=3.56$, $\text{sp}=0.75$. Seterusnya responden juga bersetuju terdapat masalah untuk mengenal pasti tanda baca dengan betul semasa menghasilkan penulisan $\text{min}=3.42$, $\text{sp}=0.80$.

Manakala kegagalan responden menguasai kemahiran mekanikal menulis menyebabkan murid tidak dapat menulis sesuatu latihan penulisan dengan baik $\text{min}=3.40$, $\text{sp}=0.83$. Ini sudah pasti menjelaskan penghasilan penulisan karangan murid yang tidak menguasai kemahiran asas dalam menulis. Kajian juga mendapati bahawa responden bersetuju jika tidak menguasai kemahiran asas menulis menjadikan murid tidak dapat memahami serta menghasilkan penulisan karangan yang bermakna $\text{min}=3.21$, $\text{sp}=0.85$. Permasalahan kelemahan menguasai kemahiran membaca dengan baik menyebabkan responden mengeja perkataan yang hendak dizahirkan semasa menulis $\text{min}=2.52$, $\text{sp}=0.80$, seterusnya menyebabkan murid berasa cepat letih semasa melakukan latihan menulis dengan $\text{min}=2.67$, $\text{sp}=0.96$ (rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Permasalahan kemahiran menulis

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan piawai
1	Tidak dapat membezakan huruf besar dengan huruf kecil	3.62	0.62
2	Tidak dapat mengecam abjad	3.57	0.90
3	Tidak faham maklumat yang ditulis	3.56	0.75
4	Tidak pasti tanda baca	3.42	0.80
5	Tidak dapat menulis dengan baik	3.40	0.83
6	Tidak tahu menulis karangan yang bermakna	3.21	0.85
7	Berasa penat dan letih semasa menulis	2.67	0.96
8	Mengeja untuk menulis	2.52	0.80

Walau bagaimanapun, responden berpendapat bahawa permasalahan dalam menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu dapat diperbaiki dengan bantuan guru yang kreatif dan inovatif serta berusaha membina persekitaran yang kondusif dan memberikan motivasi agar murid terus belajar. Dapatan kajian, menunjukkan bahawa responden lebih seronok jika guru kreatif membina pelbagai aktiviti menulis yang menarik di dalam kelas $\text{min}=3.50$, $\text{sp}=0.68$. dan responden boleh menulis dengan baik apabila guru menyediakan latihan dapat memperbaiki kemahiran menulis amat berguna kepada murid $\text{min}=3.50$, $\text{sp}=0.82$. Responden juga berpendapat bahawa mereka akan lebih mudah menulis jika guru menyebut perkataan dengan $\text{min}=3.41$,

sp=0.89, manakala penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan aras kebolehan murid dapat merangsang dan menanam minat murid agar terus belajar min=3.24, sp=0.90. (Rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Persepsi murid terhadap pengajaran guru kemahiran menulis

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan piawai
1	Pelbagai aktiviti menulis diadakan	3.50	0.68
2	Guru menyediakan latihan	3.50	0.82
3	Guru menyebut perkataan	3.41	0.89
4	Guru menggunakan bahan bantu mengajar	3.24	0.90

Secara keseluruhan, sebahagian besar responden yang bermasalah kemahiran asas menulis berpunca daripada kelemahan menguasai kemahiran asas, iaitu baca, tulis dan kira. Kelemahan tersebut menyebabkan murid tidak berminat untuk terus belajar serta memperbaiki kelemahan walaupun mereka mempunyai potensi untuk berjaya setanding dengan rakan-rakan mereka yang dianggap pintar cerdas dan berkebolehan. Walau bagaimanapun, faktor guru yang kreatif dan iklim bilik darjah yang kondusif dapat melahirkan suasana pembelajaran yang merangsangkan minat murid. Selain itu, latihan yang bersesuaian dengan tahap kebolehan murid menjadikan murid sentiasa bermotivasi, bercita-cita dan menyemai keinginan untuk terus belajar sepanjang hayat.

CADANGAN

Beberapa cadangan yang difikirkan perlu bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan potensi pembelajaran murid untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis murid sekolah rendah di luar bandar antaranya, iaitu pengajaran asas kemahiran membaca dan menulis seharusnya diberikan penekanan yang serius agar murid dapat menguasainya. Pengajaran Bahasa Melayu seharusnya disampaikan dalam pendekatan yang lebih menarik dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar serta kaedah pengajaran yang menarik dan mampu memperkembang lagi keupayaan kemahiran membaca dan menulis murid. Kepelbagai kaedah dapat membentuk murid tidak cepat bosan dan penat semasa proses pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik, bersesuaian dengan tahap kebolehan perkembangan intelek murid semasa merencanakan isi pelajaran dapat merangsangkan minat murid dan bermotivasi untuk terus belajar. Bahan bantu mengajar hendaklah digunakan secara optimum dalam pembelajaran agar menghasilkan pembelajaran bermakna dan meninggalkan kesan positif dalam diri murid. Menurut Muhamad Hasan (2000), penggunaan media bertujuan untuk memudahkan guru dan murid berinteraksi atau perhubungan dua hala yang dapat menarik minat penerima untuk bertindak balas.

Usaha yang berterusan pihak pengurusan sekolah seharusnya konsisten menggembeleng usaha mencapai matlamat membantu murid-murid lembam menguasai

kemahiran membaca dan menulis dengan mengadakan kelas pemulihan. Seminar serta kursus yang bermanfaat seharusnya diberikan penekanan yang jelas kepada guru dengan memberi maklumat dan input tentang keperluan khas murid-murid lembam menguasai kemahiran membaca dan menulis. Selain itu, ujian pencapaian murid mempunyai had tempoh masa dan dijalankan secara sistematik bagi menilai keberkesanannya pencapaian pengajaran dan pembelajaran murid-murid lembam.

Persepsi guru tentang imej murid lembam yang memerlukan bantuan pemulihan seharusnya positif dan mempunyai kesedaran bahawa mereka seharusnya dilayan secara saksama dan berpotensi untuk berjaya sama seperti rakan mereka yang beruntung. Tambahan lagi, kesabaran serta ketekunan guru amatlah penting bagi membentuk amalan membantu murid yang lembam untuk berjaya. Akhirnya, KPM perlu mengadakan lebih banyak kursus khas kepada guru-guru yang terlibat dalam permasalahan kemahiran membaca dan menulis. Selain itu, penerbitan teks panduan guru pemulihan bertujuan memberikan input tentang kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid lembam bagi meningkatkan kemahiran membaca dan menulis.

KESIMPULAN

Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjelaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju bahawa faktor kebolehan dan kreativiti guru dapat mengubah persepsi serta kesedaran bahawa mereka juga mempunyai potensi untuk berjaya dalam pembelajaran. Dalam kerjasama yang melibatkan pihak pengurusan sekolah diharapkan dapat membina iklim persekolahan yang kondusif, dan persekitaran sekolah yang selamat dapat merangsang murid bermotivasi untuk terus belajar. Selain itu, faktor guru yang berketerampilan serta berkeupayaan menyerap kaedah, teknik dan aktiviti serta menstrukturkan tahap pembelajaran supaya menjadi satu set binaan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dapat memberikan kesan positif dan bermakna. Faktor ini sememangnya dapat membina pembelajaran yang menggalakkan hala tuju pengajaran yang hendak dicapai oleh guru.

Dalam usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dewasa ini memang perlu diberi perhatian yang lebih serius. Seluruh warga pendidik Bahasa Melayu mesti mempunyai komitmen serta kekuatan untuk menghadapi cabaran dan seterusnya memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran Bahasa Melayu sebaik mungkin. Peningkatan profesionalisme guru Bahasa Melayu merupakan pemangkin akauntabiliti bahasa dan bangsa Melayu. Ini amat bertepatan dengan saranan Menteri Pelajaran yang mahu sistem pendidikan negara kita terus maju seiring dengan kemajuan negara berimpak tinggi.

Kesimpulannya, guru-guru mempunyai latar belakang dan sikap yang positif sahaja terhadap Bahasa Melayu, tetapi tidak mempunyai kemahiran dalam penguasaan isi kandungan mata pelajaran ini. Guru yang tidak mahir dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak semestinya dapat memberikan komitmen yang tinggi

semasa mengajar di dalam bilik darjah. Situasi seperti ini perlu diberi perhatian, iaitu komitmen yang tinggi perlu seiring dengan penguasaan pedagogi yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Meayu.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Hassan Abdul Rahman. (2000). *Media pengajaran: Penghasilan bahan pengajaran berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2004). *Mengajar membaca: Teori dan aplikasi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi psikolinguisistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia.
arasid@putra.upm.edu.my